

Putusan temui pemimpin lepas dengar taklimat

UM 22 OCT 1985

SUBANG 21 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau akan membuat keputusan menemui pemimpin CUEPACS dan Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) tentang tuntutan pelarasan gaji kakitangan kerajaan cuma setelah mendapat taklimat tentang perkara itu.

"Saya belum mendapat taklimat dan oleh demikian, saya tidak dapat membuat komen tentang tuntutan CUEPACS itu," katanya ketika ditanya sama ada beliau akan menemui CUEPACS dan MBK sebelum piket dilancarkan Rabu ini untuk menyokong tuntutan mereka.

Perdana Menteri berkata demikian kepada para pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur sekembalinya dari menghadiri Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Nassau, Bahamas petang ini.

Beliau enggan mengulas sama ada beliau akan menemui pemimpin CUEPACS dan MBK memandangkan kedua-dua kesatuan itu telah mengambil tindakan "tolak ansur" dan bersetuju membatalkan piket jika menerima pelawaan bertulis daripadanya untuk mengadakan pertemuan.

Sebelum ini, Perdana Menteri te-

lah menegaskan beliau bersedia untuk berbincang dengan CUEPACS dan MBK dengan syarat mereka tidak mengadakan sebarang ugutan atau ancaman seperti melancarkan mogok yang dijadualkan pada Januari depan.

"Saya akan mendengar taklimat penuh dari Datuk Musa Hitam tentang segala perkembangan yang berlaku semasa seminggu saya di luar negeri," katanya berulang kali apabila ditanya sama ada rundingan "belakang tabir" kini dijalankan dan harapan cerah bagi penyelesaian tuntutan CUEPACS itu.

Ditanya sama ada beliau kini gembira dengan suasana perhubungan buruh (industrial relations) ekoran sikap tolak ansur CUEPACS itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Saya sentiasa selesa (et case) dengan suasana buruh yang wujud sekarang."

Beliau berkata masih banyak lagi masa untuk membereskan isu tuntutan gaji itu dan oleh demikian, beliau tidak perlu membuat komen panjang lebar buat masa ini.

Mengenai syarikat Rolls Royce dari Britain yang mengancam menyaman Kerajaan Malaysia kerana pembatalan kontrak pembekalan enjin Rolls Royce bagi sebuah pesawat Boeing 747 MAS, Dr. Mahathir menjawab: "Saya tidak fikir ia satu tamparan bagi Margaret Thatcher (Perdana Menteri Britain). Sepanjang pendapat saya, itu satu perjanjian perdagangan."

CUEPACS
Mahathir